

15. Karnival Keluarga

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

karnival

'rumah hantu'

gerai

ketakutan

seronok

bergembira

Semalam, sekolah saya telah mengadakan sebuah karnival keluarga. Tujuan karnival itu ialah untuk mengeratkan lagi hubungan antara keluarga murid-murid dengan guru-guru dan kakitangan sekolah

Di sana terdapat pelbagai gerai permainan dan gerai makanan. Permainan-permainan di situ sungguh seronok. Adik sungguh berbesar hati apabila dia mendapat hadiah setelah memenangi satu permainan.

Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan pada hari itu ialah apabila kami masuk ke dalam 'rumah hantu'. Kami ketakutan. Ia adalah satu pengalaman yang mendebarakan.

Seluruh keluarga saya telah bergembira pada hari itu. Kami berharap acara sebegini akan diadakan lagi.